



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 17/2002**

**PEMBAYARAN ELAUN BULANAN PERANTIS DI BAWAH SKIM PERANTISAN OLEH  
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

**1 TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai pembayaran elaun bulanan perantis bagi latihan "Off-The-Job" dan "On-The-Job" dibayar terus oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) kepada perantis dengan mendebitkan jumlah tersebut melalui akaun majikan penaja setiap bulan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Amalan sekarang ialah majikan penaja akan membayar dahulu kepada perantis setiap bulan elaun bulanan perantis dan menuntut kembali melalui levi majikan masing-masing setiap 3 bulan sekali dengan mengemukakan Borang Tuntutan (PSMB/SP/T1/2001) dan Penyata Bayaran Elaun Bulanan Perantis.
- 2.2 Di bawah prosedur baru, majikan penaja hanya perlu menaja para lepasan sekolah (perantis) dan pihak PSMB akan membayar elaun bulanan perantis RM300.00 - RM500.00 dengan mendebitkan jumlah tersebut melalui akaun majikan penaja masing-masing pada setiap bulan.
- 2.3 Pelaksanaan prosedur ini adalah bertujuan untuk membantu majikan penaja mempergiatkan usaha melatih lepasan sekolah di bawah Skim Perantisan PSMB dan membantu majikan yang menghadapi masalah aliran tunai untuk membiayai elaun bulanan perantis.

**3 PROSEDUR PERLAKSANAAN**

- 3.1 Untuk menaja perantis, pihak majikan penaja dikehendaki menghantar Borang Permohonan Menaja seperti di Lampiran 1 sebelum latihan dijalankan.
- 3.2 Para perantis pula dikehendaki untuk membuka satu akaun simpanan di mana-mana cawangan Public Bank Berhad atau RHB Bank Berhad dan menyerahkan nombor akaun tersebut kepada penyedia latihan atau majikan penaja masing-masing.
- 3.3 Selepas kontrak perantis dan nombor akaun Public Bank Berhad / RHB Bank Berhad dihantar kepada PSMB, pihak PSMB akan membuat bayaran elaun bulanan perantis ke dalam akaun perantis. Jumlah bayaran elaun bulanan adalah seperti yang dinyatakan dalam kontrak perantis iaitu antara RM300.00 - RM500.00. Untuk membuat bayaran elaun bulanan, senarai kehadiran yang telah disahkan oleh penyedia latihan/majikan penaja (Lampiran 2) perlulah dikemukakan kepada PSMB.
- 3.4 Semasa latihan "Off-The-Job", senarai kehadiran hendaklah diuruskan oleh penyedia latihan dan semasa "On-The-Job" pula hendaklah dikemukakan kepada pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Bhg Kewangan) sebelum 24 haribulan pada setiap bulan, bagi pembayaran dibuat pada akhir bulan. Kelewatan dalam hal ini akan menyebabkan pembayaran lewat dikemukakan. Oleh itu, kerjasama semua pihak adalah mustahak.
- 3.5 Sekiranya perantis tidak hadir tanpa sebab, elaun bulanan perantis tersebut

akan ditolak. Jumlah elaun yang akan ditolak tertakluk kepada jumlah elaun bulanan yang diberikan oleh majikan penaja dibahagi dengan jumlah hari dalam sebulan dan didarab dengan jumlah hari yang perantis tidak hadir tanpa sebab.

- 3.6 Tuntutan bantuan kewangan insuran perlindungan diri perantis dan bahan latihan guna habis (semasa latihan On-The-Job) boleh dibuat oleh majikan penaja mengikut prosedur terdahulu dengan mengemukakan Borang Tuntutan Majikan Penaja (PSMB/SP/T1/2001).
- 3.7 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui talian berikut :-

En Hashim bin Mustafa(Unit Kewangan) - 03-20984841

En Azlin bin Abdul Rahman(Unit Perantisan) - 03-20984834

En Wan Mohd Rahaimin bin Wan Hussin(Unit Perantisan) - 03-20984834

#### 4 PERINGATAN

- 4.1 Majikan dan penyedia latihan adalah diingatkan bahawa mereka akan didakwa di bawah Seksyen 41, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, jika cuba atau didapati telah memperolehi apa-apa bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) melalui dokumen yang palsu.

#### 5 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Prosedur pembayaran elaun bulanan perantis di bawah Skim Perantisan PSMB seperti di para 3 berkuatkuasa pada 1 Januari 2003.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"**  
**"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"**

Yang ikhlas,

**(DATUK YAU DE PIYAU)**

Ketua Eksekutif,  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

s.k Semua penyedia latihan yang berdaftar di bawah Skim Perantisan

